

30/09/2001

Kerajaan tidak pejam mata kes Tabung Haji

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengulangi jaminan kerajaan tidak akan membiarkan sebarang penyelewengan membabitkan pentadbiran dan kewangan Lembaga Tabung Haji.

"Di mana ada kekurangan, di mana ada yang salah mesti diperbetulkan, kita tidak berhajat untuk memejam mata," kata Timbalan Perdana Menteri ketika diminta mengulas mengenai kontroversi sama ada Badan Pencegah Rasuah (BPR) boleh menyiasat Tabung Haji yang dilaporkan baru-baru ini mengalami kehilangan lebih RM9 juta daripada dua akaun penyimpanannya.

Kelmarin, Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Prof Datuk Hamdan Adnan menggesa BPR melakukan siasatan segera terhadap beberapa urusan pelaburan Tabung Haji yang didapati rugi.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, dipetik sebagai berkata, setakat ini BPR tidak perlu menyiasat Tabung Haji kerana polis dan Jabatan Audit Negara sedang berbuat demikian.

Bagaimanapun, minggu lalu, Timbalan Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Said Hamdan berkata daripada pemantauan awal BPR setakat ini belum dapat mengaitkan kes itu dengan rasuah.

Tabung Haji yang ditubuhkan pada 1963 mempunyai dana berjumlah RM10.1 bilion membabitkan 4.5 juta pendeposit hingga 30 April lalu.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Forum Sukarelawan Kebangsaan di Subang Jaya, di sini, semalam Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri (KDN) berkata, polis sudah memberi perhatian dan mula menyiasat perkara itu.

"Biasanya, apabila polis menyiasat dan jika didapati ada kes yang memerlukan BPR mengambil peranan, polis akan merujuk kepada BPR.

"Kalau tidak ada, polis akan teruskan siasatan mereka. Ini bergantung kepada beberapa hasil siasatan itu.

"Mungkin juga apabila BPR membuat sesuatu siasatan, mereka lihat ada maklumat yang memerlukan siasatan polis, maka ini menjadi kes polis dan diserahkan kepada polis untuk menyiasat." katanya.

Beliau bagaimanapun berharap orang ramai tidak perlu bimbang dengan perkara itu kerana masih dalam siasatan pihak berkuasa.

Mengenai sama ada pihak berkuasa negara ini akan berkongsi maklumat dengan negara lain mengenai kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang dilatih puak Taliban Afghanistan, Abdullah berkata, ia bergantung kepada maklumat yang diperlukan negara terbabit.

"Kita tengoklah... ada macam-macam maklumat. Kalau ada yang perlu dikongsikan, kita kongsi, kalau tidak, tidaklah.

"Tapi semalam yang Perdana Menteri katakan ialah maklumat khusus berkaitan golongan yang terbabit dalam KMM di negara kita, tidak lebih daripada itu." katanya.

Dr Mahathir mendedahkan kerajaan mempunyai bukti rakyat negara ini menyertai Taliban dan kembali ke negara ini untuk menumbangkan pemerintah.

(END)